

Malaysia terus sokong perjuangan Palestin

BH - 30/11/2021 m/s: 2

Kuala Lumpur: Malaysia menegaskan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap perjuangan Palestin bagi mencapai kebebasan dan penubuhan negara yang merdeka, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan terus secara aktif membawa agenda Palestin dan

rakyatnya ke arah merealisasikan aspirasi berkenaan.

“Tahun ini menandakan 74 tahun sejak Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerima pakai Resolusi 181 (ii) tahun 1947 dan 44 tahun selepas pengisytiharan Hari Solidariti Antarabangsa bersama rakyat

Palestin diumumkan oleh PBB.

“Malaysia bersama dengan masyarakat antarabangsa pada hari ini, berdiri teguh atas matlamat yang sama untuk mencari penyelesaian secara damai, adil dan saksama ke atas penderitaan yang dialami rakyat Palestin,” katanya menerusi

perkongsian di Facebook semalam.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Kamarudin Jaffar sebelum ini dilaporkan berkata, pendirian Malaysia amat jelas dan konsisten untuk terus menyokong pembentukan negara Palestin dengan Baitulmaqdis sebagai ibu kotanya.

Katanya, pendirian itu juga selaras dengan resolusi PBB.

Malah, kementeriannya akan terus mengetengahkan pendirian kerajaan serta menyokong usaha jujur, konkrit dan realistik demi membantu Palestin serta mengukuhkan hubungan dua hala Malaysia dan Palestin.